

15 NOV 1998

APEC-BERITA-DOMESTIK

APEC TIDAK WAJAR BINCANGKAN ISU DOMESTIK M'SIA

KUALA LUMPUR, 15 Nov (Bernama) -- Apec bukan ditubuhkan untuk membincangkan isu-isu domestik Malaysia dan adalah tidak wajar perkumpulan itu itu membangkitkan isu-isu itu, kata Menteri Luar New Zealand Don Mckinnon.

Katanya ada banyak lagi isu-isu lain yang boleh dibincangkan dalam lengkungan mesyuarat peringkat menteri dan mesyuarat dua hala.

"Tidak ada sesiapa yang akan menghalang itu," katanya kepada pemberita ketika waktu rehat mesyuarat peringkat menteri Apec di sini hari ini.

Mckinnon, yang juga Menteri Perdagangan New Zealand, berkata demikian sebagai mengulas gesaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya tidak menjadikan Apec forum politik.

Mengenai skim Liberalisasi Awal Mengikut Sektor Secara Sukarela (EVSL), beliau berkata itu bukanlah isu yang besar bagi New Zealand tetapi mahukan komitmen daripada semua ekonomi Apec.

Katanya Jepun perlu menunjukkan komitmennya untuk diikuti oleh yang lain.

Mckinnon, bagaimanapun, berkata beliau optimistik bahawa satu kata sepakat akan dicapai mengenai EVSL.

-- BERNAMA

THG TS WAT